



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DI-TERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 15
Bil. 8

15hb April, 1971

TAMBAHAN No. 7
PERUNDANGAN

Pg. P.U. 14. - 18

ORDINAN PERBANDARAN (N.S. Bab 133)

UNDANG² KECHIL PEMASANGAN SISTEM SALORAN NAJIS DAN ALAT² KEBERSEHAN 1970

MAJLIS BANDARAYA GEORGETOWN, PULAU PINANG

BAHAWASA-NYA pada menjalankan kuasa² yang di-beri oleh seksyen 58 (1), 143 (1) (a) (b), (b1), (e) dan (n) Ordinan Perbandaran, Majlis Bandaraya Georgetown telah meluluskan Undang² Kechil Pemasangan Sistem Saloran Najis dan Alat² Kebersihan 1970, Majlis Bandaraya Georgetown, Pulau Pinang (di-sebutkan sa-lepas ini sebagai Undang² Kechil Utama tersebut), di-suatu meshuarat khas-nya yang di-adakan pada 26hb Februari, 1970.

Dan bahawasa-nya mengikut seksyen 58 (4) Ordinan Perbandaran, Undang² Kechil Utama tersebut telah di-siarkan di-dalam *Warta Kerajaan Pulau Pinang* sa-belum ia-nya di-sahkan sebagai Pemberitahu *Warta Kerajaan* Bilangan 320 pada 17hb Disember, 1970.

Oleh itu sekarang ini pada menjalankan kuasa² yang di-beri oleh seksyen 58 (4) Ordinan Perbandaran, maka dengan ini pihak Berkuasa Negeri mengesahkan Undang² Kechil Utama tersebut seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Undang² Kechil ini boleh di-namakan sabagai "Undang² Kechil Pemasangan Sistem Saloran Najis dan Alat² Kebersihan", 1970. Sebutan.

2. Dalam Undang² Kechil ini, melainkan jika kandongan-nya meng-hendaki makna yang lain—"paip chegah" (anti-syphonage pipe) erti-nya sabatang paip yang mana penghujung bawah-nya di-sambongkan ka-perangkap atau ka-sabilangan perangkap perkakas kebersihan. Paip ini terdedah ka-udara di-penghujung atas-nya. Tafsiran.

"di-luluskan" erti-nya di-luluskan oleh Jurutera Bandaraya.

"B.S." erti-nya standard yang terbaharu yang berkenaan (termasuk sabarang pindaan bagi-nya), sebagaimana yang di-keluarkan oleh British Standards Institute.

"Simen motar" erti-nya champoran satu bahagian simen dan dua bahagian pasir dan ayer tawar yang berseih dalam kuantiti yang men-chukupi, atau lain² champoran, sabagai yang di-tentukan oleh Jurutera Bandaraya.

"Jurutera Bandaraya" erti-nya Jurutera kapada Majlis buat masa itu, dan akan termasuk sa-saorang lain atau orang² yang di-lantek oleh Jurutera untuk mengelolakan kerja² yang tersebut.

"Lubang Chuchi" erti-nya penutup yang senang di-ubah², yang di-pasangkan di-hujung atau di-liku paip supaya membolehkan paip itu senang di-pereksa atau di-chuchi.

"konkerit" erti-nya ukoran 1 bahagian simen Portland yang di-champorkan dengan 2 bahagian pasir dan 4 bahagian geranait berseih, dengan saiz alakadar $\frac{3}{4}$ ", di-champor dengan ayer tawar yang berseih dalam kuantiti yang menchukupi atau lain² champoran yang di-tentu-kan oleh Jurutera Bandaraya.

"Majlis" erti-nya Majlis Bandaraya George Town, Pulau Pinang, Malaysia.

"sambongan parit" erti-nya bahagian parit najis yang terletak di-antara lorang yang rendah sekali atau paip najis di-mana lorang tidak di-sediakan dan simpang-nya dengan paip saluran najis.

"salor" (gutter) erti-nya saluran yang di-pasang di-keliling chuchor bumbong atau lurah bumbong bagi tujuan melarikan ayer yang jatuh ka-atas bumbong.

"saloran keluar" (gully) erti-nya parit keluar di-atas lantai atau kawasan yang bergegili untuk melarikan ayer.

"perangkap saloran keluar" (gully trap) erti-nya lubang yang me-ngandongi perangkap yang di-gunakan untuk menerima kadaralir paip² kotoran (waste pipes) atau ayer yang menchurah ka-lantai atau halaman.

"penadah" (hopper head) erti-nya bekas yang menerima kadaralir paip di-atas tingkat bawah.

"lorang" erti-nya sabarang ruang yang di-binakan dalam parit najis atau paip saluran najis untuk membolehkan sa-saorang itu masuk ka-dalam-nya untuk memereksa, menguji, mengubahkan halangan² atau membaiki kerosakan.

"paip saluran najis privet" erti-nya paip saluran najis yang di-bina dan di-selenggarakan dengan bayaran pemilek² bangunan yang meng-gunakan paip saluran najis itu.

"bilek 'awam" erti-nya bilek yang di-gunakan sabagai tempat ibadat, tempat hiboran 'awam, bilek darjah, bilek kuliah, bilek pameran, tempat perhimpunan, atau tempat yang di-gunakan bagi sabarang tujuan 'awam.

"paip saluran najis 'awam" erti-nya sabarang paip saluran najis yang menjadi harta Majlis atau yang di-bawah kuasa Majlis melalui Ordinan Perbandaran.

"sampah sarap" termasuk sampah rumah tangga, jisim binatang, bulu kambing, kain, rambut, daging² dan lemak², minyak grease, debu, abu, tanah, sampah sarap, sisa, bangkai binatang, sayur dan kulit buah², kain burok, wap dan sabarang jisim pepejal yang lain, tidak termasuk najis.

"alat kebersihan" erti-nya sabarang tempat mandi, besen tandas, tangki, bidet, tangki bilas, jamban, tempat buang ayer kechil atau lain² alat, yang di-reka untuk menerima najis atau ayer kotor.

"najis" erti-nya tahi manusia, ayer kotor, kencing, kekotoran chechair, dan kertas tandas.

"paip saloran najis" erti-nya sabarang paip² atau saloran² dan alat² yang berkenaan (bukan parit najis) yang di-reka, dan di-gunakan untuk membawa najis, dan di-gunakan oleh dua buah rumah atau lebih dan termasuk paip saloran najis privet.

"perkakas kebersehan" erti-nya sabarang alat kebersehan yang di-gunakan untuk menerima najis.

"parit najis" erti-nya sabarang paip (bukan paip najis) bersama² alat²-nya yang di-gunakan untuk mengangkut najis ka-paip saloran najis.

"paip najis" erti-nya sabarang paip tegak atau chondong yang di-pasangkan ka-sabuah bangunan dan bertujuan mengangkut najis dari sabarang perkakas kebersehan.

"bebetong dalam tanah" erti-nya sabarang parit atau paip yang di-reka untuk menakong dan membawa ayer tanah yang biasa-nya terdapat dalam tanah.

"ayer kotor" erti-nya ayer yang telah di-gunakan untuk tujuan² men-chuchi, memasak dan lain² tujuan yang biasa-nya di-gunakan dalam rumah.

"sampah perniagaan" erti-nya sabarang keluaran chechair akibat dari sabarang proses pengeluaran, kerja² pembersehan, proses kimia atau kerja² penyejok bersangkutan dengan sabarang perdagangan.

"perangkap" erti-nya alat yang di-satukan dengan penyendal ayer untuk menghalang udara/gas² keluar/ masuk di-sapanjang talian paip².

"paip ganti-udara" erti-nya sabarang paip yang di-reka untuk meng-gantikan udara sabarang paip najis, parit najis atau paip saloran najis.

"paip najis ganti-udara" erti-nya bahagian paip najis yang di-bawa naik sebagai paip ganti udara.

"alat kotoran" erti-nya sabarang alat kebersehan yang di-gunakan untuk menerima ayer kotor.

"paip takong" erti-nya paip yang menerima ayer kotor dari dua atau lebih alat kotoran yang di-pasangkan atas lantai di-atas tingkat bawah.

"paip kotoran" erti-nya sabarang paip yang di-sambungkan ka-paip keluar alat kotoran bagi tujuan membawa ayer kotor.

BAHAGIAN II

PEMASANGAN² ALAT KEBERSEHAN

3. Sa-saorang yang menjalankan kerja yang di-liputi oleh Undang² Kechil ini ia-itu memasang, membina, membaharui atau mengubahkan, (atau sa-saorang yang di-suruh melakukan kerja² ini) tidak boleh membuang, menyimpan atau membenarkan di-buang dan di-simpan, di-dalam sabarang parit najis, atau paip saloran najis, atau ka-dalam sabarang lubang, paip atau bekas yang bersambung sachara terus atau sachara tidak terus dengan sabarang parit najis atau paip saloran najis: Di-larang.

- (1) sabarang sampah atau lain² benda yang pada pendapat Majlis mungkin merbahaya terhadap sabarang bahagian sistem saloran najis, atau kepada pekerja² yang terlibat dalam gerakan atau penyenggaraan sistem itu; Keluaran².
- (2) petrol atau lain² bahan² mudah terbakar atau bahan² letupan samada pepejal, chechair atau gas;
- (3) keluaran dari sabarang salor, belakang dalam tanah atau sa-loran² keluar;

- (4) sampah perniagaan, benda² dari sabarang kawasan yang di-guna untok menyimpan atau menambatkan binatang² hidup, atau kandongan sabarang kereta najis, tangki najis, tangki limbah atau jamban; melainkan, ia mendapat kebenaran Majlis sachara bertulis yang boleh di-berikan dalam keadaan² sademikian sabagaimana Majlis fikir sesuai;
- (5) Ayer kotor, melainkan jika pada pendapat Jurutera Bandaraya ada-lah perlu berbuat demikian, atau sabahagian dari-nya yang akan di-sambongkan ka-parit najis atau paip saloran najis pada keadaan² sademikian yang di-fikirkan-nya sesuai.

Alat²
Kebersihan.

4. Tiap² sa-orang yang memasang, membina, menyambong, atau mengubah alat² kebersihan, (atau, sa-saorang yang kerja² ini di-lakukan untok-nya) mesti menurut kehendak² yang berikut:

(1) Alat² kebersihan mesti-lah mengikut pola dan pembuatan yang di-luluskan oleh Majlis, dan, bagi alat² yang tidak tersebut dalam Perenggan² 5 dan 6 Undang² Kechil ini, ia-nya akan di-pasang menurut arahan² Jurutera Bandaraya.

Bekalan
Ayer dan
Pepasangan².

(2) Bekalan ayer, pesawat chuchi (flushing apparatus), tangki bekal, paip aghen (distribution pipe) dan pepasangan² alat bekalan ayer mesti-lah menurut Undang² Kechil dan Penentuan² Bekalan Ayer Majlis.

PERKAKAS KEBERSEHAN

5. Tiap² sa-orang yang memasang (atau yang menyebabkan benda itu di-pasang) sabarang perkakas² kebersihan dalam sabarang bangunan mesti-lah menurut kehendak² yang berikut:

Tandas².

(1) Penadah, besen, atau lain² bahagian, dan perangkap sabarang tandas hendak-lah di-perbuat dari bahan yang ta' menyerap, dan permukaan yang lichin dan senang di-chuchi. Ia-nya hendak-lah menema dan mengandongi ayer yang chukup untok membolehkan sabarang najis jatuh terus ka-dalam ayer dan tidak tersangkut pada tepi-nya.

Tandas²
Jenis Asia.

(2) Bagi tandas² jenis Asia, penadah-nya, besen-nya atau lain² bekas, dan tempat bertinggong hendak-lah di-bina di-atas pelantar yang di-perbuat dari bahan yang ta' menyerap ayer. Pelantar sademikian hendak-lah tidak kurang dari enam inchi tinggi dari lantai bilek atau petak di-mana ia-nya terletak.

Tempat²
buang ayer
kechil.

(3) (a) Tempat² buang ayer kechil hendak-lah di-sediakan dengan besin, palong berdinding, palong atau lain² bekas yang sesuai yang mempunyai permukaan yang lichin dan ta' menyerap.

(b) Lubang keluar bagi bekas² sademikian hendak-lah di-sediakan dengan kisi² yang baik. Kisi² ini hendak-lah di-letak sa-belum perangkap.

(c) Jika saloran itu di-pasang atas lantai, tempat berdiri-nya hendak-lah di-buat supaya ada garisan² kasar (thread plates), dan ini hendak-lah di-perbuat dari bahan yang ta' menyerap. Garisan itu hendak-lah mengalir ka-saloran itu, dan terhulor sa-kurang² nya dua belas inchi dari-nya.

Alat² Tandas
tarek.

(4) (a) Tiap² perkakas kebersihan hendak-lah di-sediakan dengan alat² tandas tarek yang di-luluskan. Alat² tandas tarek ini hendak-lah di-bina supaya boleh menjamin panchuchian penadah sa-chara serta merta dengan satu tarekan sahaja.

(b) Alat² tandas tarek hendak-lah jangan di-sarongkan, yang boleh mengganggu kerja²-nya.

- (5) Tiap² perkakas kebersihan hendaklah di-sediakan dengan Perangkap².
perangkap yang akan di-bina supaya dapat menyengsarakan
penyendal ayer tidak kurang dari dua inchi dalam. Perangkap²
sademikian hendaklah mempunyai laluan untuk menchuchi.
Sakira-nya ia tidak merupakan sa-bahagian dari alat itu, ia-nya
akan terta'alok kepada perlulusan Majlis yang berasingan.
- (6) Janganlah pasang sabarang bekas atau benda² saperti bekas
di-bawah perkakas kebersihan.
- (7) Perkakas² kebersihan hendaklah di-tempatkan dalam tapak Penapakan.
atau bilek yang berasingan di-mana satu da i dinding-nya
hendaklah jadi dinding luar atau dinding yang mengadap ka-
ruang udara atau lubang udara. Sakira-nya tidak ada dinding
yang merupakan dinding luar, perkakas² kebersihan boleh di-
pasang dengan syarat ada lampu², dan ada pula sistem meng-
ganti udara. Alat² kebersihan sademikian hendaklah menurut
Undang² Kechil 5 (11) (c).
- (8) Bilek² alat kebersihan hendaklah jangan terletak di-tempat Jalan masuk
yang mempunyai perhubungan sachara terus menerus dengan ka-Bilek² Alat
sabarang bilek awam atau tempat yang bertujuan atau yang Kebersihan.
di-sesuaikan untuk penyediaan penyimpanan makanan dan
minuman, atau dengan sabarang bilek yang bertujuan untuk
di-gunakan bagi kediaman manusia atau sebagai tempat kerja
biasa untuk pengeluaran, atau perniagaan. Syarat ini boleh di-
ketepikan hanya jika di-luar bilek alat kebersihan itu ada
udara luar atau bilek antaradua (intervening). Atau pun jika
bilek itu di-guna dengan bilek tidor, bilek solek, bilek bacha,
atau pejabat sewa, jalan masuk ka-bilek alat kebersihan itu
ia-lah melalui bilek² ini. Bagi tandas pula, hendaklah ada lain²
tandas untuk di-guna oleh lain² bahagian bangunan itu.
- (9) "Bilek Antaradua" hendaklah terletak di-tempat yang tidak Bilek
ada perhubungan udara dengan sabarang bilek yang di-sebut Antaradua
kan dalam perenggan yang di-atas. Bilek ini hendaklah di- (Entrance
sediakan dengan pintu² yang katup dengan rapat dan terkutup Lobby).
sendiri dan mesti ada gantiudara yang chukup hingga memuas-
kan Jurutera Bandaraya. Dalam rumah² kediaman privet,
bilek antaradua ini mungkin tidak di-kehendaki, jika pada
pendapat Jurutera Bandaraya, bilek tandas itu terletak ber-
hampiran dengan anjong yang mempunyai ganti udaraan
yang baik, atau dekat dengan tangga, pelantar tangga atau
lain² tempat yang sama.
- (10) Lantai untuk sabarang perkakas kebersihan hendaklah di-bina Lantai.
dari konkerit enam inchi tebal. Lantai ini hendaklah di-liputi
oleh bahan ta' menyerap yang keras dan licin. Ia-nya hendak-
lah rendah dari muka pintu atau parit kotoran keluar sebanyak
 $\frac{1}{2}$ inchi.
- (11) Bilek perkakas kebersihan sademikian hendaklah— Ganti
udaraan.
- (a) di-sediakan dengan lubang tidak kurang dari satu kaki
persegi besar-nya, (tidak termasuk rangka-nya) dan ter-
letak di-bahagian atas sakali, dan mesti-lah bo'eh di-masok
udara luar terus menerus. Ini ia-lah jika udara luar
boleh masok ka-dalam-nya.
- (b) (i) di-sediakan sa-buah tingkap yang besar-nya tidak
kurang dari dua kaki persegi, (tidak termasuk rangka-
nya). Tingkap ini hendaklah di-pasang di-sa-sabuah
dinding yang merupakan dinding luar, dan

Ganti
udaraan
bersawat.

(ii) di-sediakan dengan alat² ganti udaraan yang chukup, sakurang²-nya sa-besar satu bata di-dinding luar, atau melalui satu ruang udara atau oleh lain² chara yang berkesan. Ini ia-lah jika udara luar *tidak boleh* masuk ka-dalam-nya terus menerus.

(c) sakira-nya tidak satu pun dari dinding-nya merupakan dinding luar, lampu² dan sistem ganti udaraan bersawat yang sesuai hendak-lah di-sediakan dengan menurut keperluan² yang berikut:

- (i) sistem ganti udaraan hendak-lah asing dari sabarang sistem ganti udaraan yang di-pasangkan untuk sabarang tujuan lain.
- (ii) beberapa salor masuk udara dengan saiz yang chukup hendak-lah di-sediakan.
- (iii) Udara dalam bilek perkakas kebersihan itu hendak-lah di-tukar sakurang²-nya enam kali sa-jam.
- (iv) Kipas ganti udaraan dan yunit kuasa yang menjalankan-nya hendak-lah di-duakan, melainkan, pada pendapat Jurutera Bandaraya liang² udara yang utama itu telah chukup di-reka untuk menjadi liang biasa yang boleh di-pakai sa-kira-nya pesawat² itu rosak.
- (v) Udara tidak akan di-benarkan beredar samula.
- (vi) Apabila sistem itu siap, pemilek atau wakil-nya akan menjalankan ujian² sistem ganti udara sabagaimana Jurutera Bandaraya mungkin anggap perlu.
- (vii) Sistem itu hendak di-jalankan selalu dan diselenggarakan supaya berada dalam keadaan yang baik, di-bawah arahan orang yang berkelayakan.
- (viii) Sistem itu hendak-lah di-buka untuk pemeriksaan oleh Jurutera Bandaraya pada bila² masa, dan akan terta'alok kepada ujian² sademikian, sabagaimana di-arah oleh Majlis, dari masa ka-samasa.
- (ix) Jika sistem ganti udaraan bersawat itu gagal menunaikan keperluan² Undang² Kechil ini bagi tempoh yang lebih dari empat puluh lapan jam, maka ini bermakna bahawa pemilek telah melanggar Undang² Kechil ini.

Bekalan
Ayer.

(12) Sa-suatu perkakas kebersihan tidak boleh bersambong sachara terus menerus dengan paip bekalan ayer Majlis yang di-sediakan untuk bangunan itu, atau ka-sabarang paip perkhidmatan yang di-sambongkan terus ka-bekalan ayer Majlis. Bekalan ayer ka-tandas tarek kebersihan itu hendak-lah di-bekal melalui paip pembahagian dari tangki bekal. Alirmasuk tangki bekal ini ada-lah di-kawal oleh injap bebola otomatik atau injap yang sama.

Paip²
Tandas
Tarek.

(13) (a) Paip² tandas tarek untuk perkakas² kebersihan hendak-lah di-perbuat dari logam bukan besi atau keluli dan yang salut dengan bahan anti kakisan, baik di-luar atau di-dalam. Garispusat dalam untuk paip² tandas tarek hendak-lah tidak kurang dari—

- (i) $\frac{3}{4}$ " bagi tangki² bilas
- (ii) $\frac{3}{4}$ " bagi tempat buang ayer kechil
- (iii) $1\frac{1}{4}$ " bagi tandas²

(b) Sambongan antara paip tandas tarek dengan paip perkakas kebersihan hendak-lah di-buat dari kun getah dari achuan, gelang getah dengan sepit² logam atau kun pelambam atau lain² chara yang di-luluskan.

- (14) (a) Najis dari perkakas kebersihan yang terletak di-tengkat yang bawah sekali di-sa-sabua bangunan hendak-lah di-bawa terus ka-parit najis. Chara Najis di-buang.
- (b) Najis dari perkakas kebersihan yang terletak di-tingkat atas dari tingkat bawah sekali di-sa-sabua bangunan hendak-lah di-bawah terus ka-parit najis melalui paip saloran najis.
- (15) (a) Di-mana dua atau lebih alat² kebersihan di-sediakan dengan paip saloran najis umum, paip chegah hendak-lah di-sediakan. Paip² chegah ini hendak-lah mempunyai garispusat dalam yang tidak kurang dari dua inchi dan hendak-lah lebih sakira-nya di-anggap perlu oleh Jurutera Bandaraya. Paip² Chegah.
- (b) Hujung paip chegah (di-bahagian yang tinggi) hendak-lah di-sambongkan ka-paip najis ganti udara, ia-itu di-tempat yang tidak kurang dari tiga kaki tinggi dari paip najis yang tinggi sakali yang bersambong di-situ, dan dengan sudut tidak lebih dari enam puluh degree dari tegak-nya. Jika ini tidak mungkin, paip chegah hendak-lah di-bawa naik ka-udara di-paras yang tidak kurang dari paras paip najis ganti udara yang tinggi sakali.
- (c) Apabila terdedah ka-udara, hujung paip itu hendak-lah ditutup dengan bebola atau kubah gauss "monel".
- (d) Paip chegah hendak-lah di-sambongkan dengan perangkap atau paip najis:
- (i) di-satu tempat tidak kurang dari tiga inchi atau lebih dari dua belas inchi dari tempat perangkap yang tinggi sakali.
 - (ii) di-sabelah penyendal ayer yang dekat sakali dengan paip najis.
 - (iii) menyerong ka-arah aliran.
- (16) (a) Paip² najis ganti udara hendak-lah dengan garispusat tanpa di-kurangkan, di-bawa naik hingga ka-satu takat yang boleh mencheгах udara atau gas² kotor masuk ka-dalam sabarang bangunan dalam kawasan itu. Tinggi-nya paip itu hendak-lah tidak kurang dari sepuluh kaki. Paip² Najis dan paip² najis ganti udara.
- (b) Ukoran Garispusat dalam untuk paip najis atau paip² najis ganti udara hendak-lah tidak kurang dari ukoran garispusat dalam untuk sabarang paip yang membawa kadaralit-nya ka-dalam paip najis atau paip najis ganti udara itu. Garispusat najis/paip najis ganti udara hendak-lah sa-besar mana yang di-kehendaki oleh Jurutera Bandaraya. Sa-suatu paip najis hendak-lah tidak kurang dari empat inchi melainkan ia-nya di-sambong ka-tempat buang ayer kecil.
- (c) Penghujung bawah paip najis ganti udara, hendak-lah jangan di-pasang perangkap, tetapi hendak-lah di-bawa ka-lorong atau paip saloran najis melalui parit najis.
- (d) Penghujung atas paip najis ganti udara hendak-lah terletak di-atas chuchor atau birai sabarang tembok di-mana paip itu di-pasang. Penghujung atas paip ini hendak-lah tidak kurang dari tiga kaki tinggi-nya dari bahagian atas sabarang tingkat atau lubang dalam bangunan² di-kawasan itu, dan hendak-lah berukoran dua puluh kaki, di-ukor dari penghujung atas paip itu.
- (e) Penghujung atas untuk semua paip² najis ganti udara hendak-lah terdedah kepada udara luar, dan di-tutup oleh bebola atau kubah gauss "monel".
- (f) Penghujung atas paip najis ganti udara hendak-lah sa-kurang²-nya tujuh kaki dari lantai, tengkat atas atau taman di-atas rumah.

"Lubang
Chuchi".

"Lubang
Chuchi"
dalam
Bangunan.

Pembinaan
Paip² Najis.

Pembinaan
Paip² Ganti
Udara dan
Paip² Najis
Ganti Udara.

Sambongan².

Memasang
paip² ka-
tembok².

Ujian².

Masok
Laluan.

- (g) Paip najis atau paip najis ganti udara itu hendak jangan mempunyai sambongan berselekeh, kechuali jika ini tidak mungkin.
- (h) Paip² najis hendak-lah di-sediakan dengan "Lubang chuchi" yang di-luluskan di-semua selekoh² dan simpang². Tudong²-nya hendak-lah di-tutup sakuat²-nya supaya menjadi kedap ayer dengan menggunakan nat dan belok.
- (i) Jika pada pendapat Jurutera Bandaraya, bangunan itu atau halaman-nya tidak di-sediakan dengan langkah² menchegeh kechurian, paip² najis dan paip² najis ganti udara hendak-lah di-tempatkan supaya "Lubang chuchi-nya" terletak dalam bangunan itu. Keperluan ini akan di-kenakan khusus-nya kapada bangunan² tidak berpagar dan bangunan² sa-deret.
- (j) Sa-suatu paip najis atau paip ganti udara hendak-lah tidak boleh melalui sabarang bilek kediaman, dapor atau tempat di-mana makanan untok manusia di-simpan; melainkan kalau tidak dapat di-elakkan. Dalam perkara² ini, di-mana kekechualian di-benarkan, paip² itu hendak-lah di-semunyi-kan sabagaimana yang di-sediakan dalam Undang² Kechil 5 (23).
- (k) Cherun² minima bagi paip² najis, melainkan di-mana cherun² yang lebeh papar di-luluskan, hendak-lah 1 dalam 20 bagi paip² yang bergarispusat 2 inchi, 1 dalam 30 bagi paip² bergarispusat 3 inchi; 1 dalam 40 bagi paip² yang bergarispusat 4 inchi dan 1 dalam 60 bagi paip² yang bergarispusat 6 inchi.
- (17) Paip² najis hendak-lah di-bina dari satu²-nya bahan² yang berikut—
- (a) Besi Tuangan yang mesti menurut B.S. 416 untok paip² gred berat.
 - (b) Tolok tiub tembaga ringan yang mesti menurut B.S. 659.
 - (c) Sabarang bahan² lain yang di-luluskan menurut Undang² Kechil 20.
- (18) Paip² Ganti Udara dan Paip² Najis Ganti Udara hendak-lah di-perbuat dari sabarang satu yang berikut—
- (a) Besi Tuangan yang mesti menurut B.S. 416 untok paip² gred sederhana.
 - (b) Simen asbestos yang mesti menurut B.S. 582.
 - (c) Tiub tembaga tolok ringan yang mesti menurut B.S. 659.
 - (d) Sabarang bahan² lain yang di-luluskan mengikut Undang² Kechil 20.
- (19) Semua sambongan² hendak-lah menurut jenis² tertentu yang di-luluskan bagi bahan² yang di-gunakan.
- (20) Semua paip yang bertampan dengan tembok² hendak-lah di-pasang dengan tegoh-nya dengan chara² yang di-luluskan untok menentukan kemantapan paip itu.
- (21) Semua pemasangan alat kebersihan sesuatu bangunan hendak-lah di-binakan supaya semua pemasangan paip sambongan dan alat² lain di-buat dengan sempurna-nya dan hendak-lah kedap ayer. Alat² ini hendak-lah boleh menahan ujian asap.
- (22) Paip² najis dan paip² najis ganti udara hendak-lah boleh di-pereksa dan di-selenggarakan pada sating masa melainkan di-mana paip² ini di-masokkan ka-dalam tembok, sekatan bilek atau lantai.

- (23) Di-mana paip² najis dan paip² ganti udara di-sembyikan dalam saloran² paip atau cherok² di-tembok², saloran paip atau cherok sabagini hendak-lah— Menyembunyi-
kan paip²
dan saloran².
- (i) di-sediakan dengan chara² masok yang di-luluskan, dan lebar-nya hendak-lah tidak kurang dari dua kaki, dan kawasan-nya sakurang²-nya enam kaki persegi (yang di-ukor tidak termasuk semua paip² atau halangan²) atau;
 - (ii) mesti-lah mempunyai sakurang²-nya sa-belah dinding-nya di-perbuat dari kayu, batu-bata dalam simen motar, lepa "on expanded metal lathing" atau bahan² lain yang di-luluskan; dan hendak-lah di-bina dan di-pasang supaya dapat di-ubah sachara berasingan dan tanpa merosakkan sabarang bahagian lain pembinaan itu. Saloran paip atau cherok hendak-lah di-sediakan dengan lubang² untuk pemeriksaan. Lubang² ini hendak-lah di-tempatkan supaya boleh di-periksa dan di-selenggarakan dengan senang-nya bagi setiap paip najis atau paip najis ganti udara yang lurus;
 - (iii) di-sediakan dengan tempat² pijak yang sesuai untuk masok ka-dalam saloran² itu pada takat lantai. Ini ia-lah untuk tujuan² penyenggaraan;
 - (iv) semua lubang² pemeriksaan atau lubang² masok dengan saiz dan bentuk yang di-luluskan, supaya membolehkan penyenggaraan yang sempurna di-jalankan. Ia-nya hendak-lah beri perkhidmatan² yang lichin.

ALAT² KOTORAN

6. Tiap² sa-orang yang memasang sabarang alat² kotoran dalam sabarang bangunan atau yang menyebabkan alat itu di-pasang mesti-lah menurut kehendak² yang berikut:

- (1) (a) Besen² Tandas hendak-lah di-perbuat dari bahan yang ta' menyerap dan yang lichin. Ia-nya hendak-lah dalam bentuk sa-buah yang tidak di-sambong²; termasuk pelimpah (overflow). Ia-nya hendak-lah dalam bentuk yang senang di-chuchi. Besen²
Tandas.
- (b) Pelimpah-nya (overflow) hendak-lah jenis "aliran atas" (open weir) dengan "dinding"-nya yang boleh di-buka, atau pun jenis lubang tepi (slot).
- (c) Tempat sabun atau yang serupa dengan-nya hendak-lah di-buat supaya mengalir ka-dalam besen.
- (2) (a) Tempat² mandi hendak-lah di-perbuat dari sabarang bahan yang ta' menyerap dan boleh di-bina di-tempat yang asal. Tempat² mandi yang di-perbuat dari konkerit hendak-lah di-pasang genting² lichau (glazed ware tiles) atau lain² bahan² ta' menyerap yang di-luluskan. Tempat²
mandi.
- (b) Pelimpah (overflow) hendak-lah di-sediakan.
- (3) Besen² hendak-lah di-bina sabagaimana yang di-buat bagi tempat² mandi; tetapi, boleh juga di-perbuatkan dari bahan besi (hardware) yang di-luluskan. Besen²
(Sinks).
- (4) Ayer kotor dari panchor hujan hendak-lah mengalir ka-dalam saloran² keluar yang di-hubungkan ka-paip² kotoran. Panchor
hujan.
- (5) Paip² kotoran dan paip takong hendak-lah menurut syarat² yang berikut— Paip²
Kotoran dan
Paip Takong.
 - (a) Ia-nya hendak-lah di-perbuat dari besi tuangan (gred perantaraan) yang mesti menurut B.S. 416, atau besi galvani yang mesti menurut B.S. 788, atau lain² bahan

yang di-luluskan sakira-nya pada pendapat Jurutera Bandaraya ayer kotor itu ada-lah jenis mengkakis (corrosive).

- (b) Kadaralir paip² kotoran itu hendak-lah tidak membasahkan tembok², lantai² atau batu asas bangunan.
- (c) Paip² kotoran hendak-lah membawa kadaralir masing² ka-dalam parit ayer dan ayer kotor itu hendak-lah jangan melimpah ka-tepi² parit.
- (d) Paip² kotoran yang terletak di-tingkat di-atas tingkat bawah hendak-lah di-sambungkan ka-paip takong.
- (e) Lubang² Chuchi (Cleaning eyes) hendak-lah di-sediakan saperti yang di-tetapkan dalam Fasal 5 (16) (h).
- (f) Lubang² Chuchi hendak-lah di-pasang sakuat²-nya dengan chara² yang di-luluskan.
- (g) Garispusat yang minima untuk paip kotoran atau paip takong hendak-lah berukoran:

1½" sakira ia-nya di-gunakan untuk satu alat.

2" sakira ia-nya di-gunakan untuk lebeh dari satu tetapi tidak lebeh dari 10 alat.

3" sakira ia-nya di-gunakan untuk lebeh dari sepuluh dan tidak lebeh dari 20 alat.

4" sakira ia-nya di-gunakan untuk lebeh dari dua puluh alat.

Ayer Kotor
hendak-lah
mengalir
ka-parit
najis atau
paip saluran
najis.

Perangkap².

Panchor
hujan.

Tempat²
Mandi.

Paip²
chegah.

Paip²
kotoran.

7. Ada-lah terpulang kepada kebijaksanaan Jurutera Bandaraya untuk memerlukan ayer kotor atau mana² bahagian dari-nya supaya mengalir ka-dalam parit najis atau paip saluran najis. Sharat² yang berikut hendak-lah di-patohi:

(1) Tiap² lubang keluar bagi alat² kotoran hendak-lah di-reka supaya ia-nya ada perangkap, menurut Undang² Kechil 5 (5).

(2) Jika panchor hujan itu terletak di-tingkat bawah sakali, ayer-nya hendak-lah keluar ka-satu bekas yang sempurna atau ka-satu lekuk (depression) di-paras lantai. Bekas atau lekuk itu hendak-lah di-sambungkan dengan paip kotoran supaya kadaralir-nya mengalir ka-dalam perangkap saluran keluar yang terletak di-luar bangunan. Sakira-nya panchor hujan itu terletak di-tingkat di-atas tingkat yang bawah sakali, kadaralir paip kotoran itu hendak-lah mengalir ka-dalam penadah (hopper head).

(3) Tempat² mandi yang di-pasang di-tempat yang asal dan di-mana di-dapati tidak peraktik mengadakan perangkap, hendak-lah di-sediakan dengan paip kotoran yang menghantar pengeluaran-nya terus ka-dalam perangkap saluran keluar (gully trap).

(4) Paip² chegah hendak-lah di-sediakan menurut Undang² Kechil 5 (15) di-mana dua atau lebeh alat² kebersehan di-sediakan dengan paip kotoran atau paip najis yang sama.

(5) Paip² kotoran di-tingkat yang bawah sakali dalam sa-sabua bangunan hendak-lah di-pasang menerusi tembok luar supaya kadaralir-nya keluar di-bawah "grating" perangkap saluran keluar. Paras bahagian atas perangkap sademikian hendak-lah tidak kurang dari satu kaki ka-atas paras banjir yang tinggi sakali yang di-rekodkan dalam kawasan ini.

(6) Paip² kotoran yang terletak di-tingkat di-atas tingkat yang bawah sakali dalam sa-sabua bangunan hendak-lah di-sambungkan ka-paip takong yang pula akan mengeluarkan kadaralir-nya di-bawah "grating" perangkap saluran keluar.

- (7) Tiap² lubang masok ka-parit najis hendak-lah di-pasangkan perangkap. Hanya lubang masok yang di-sediakan untuk ganti udaraan parit najis sahaja yang tidak memerlukan perangkap ini.

BAHAGIAN III

PARIT² NAJIS DAN PAIP² SALORAN NAJIS PRIVET

8. Tiap² sa-orang yang memasang, membina, atau mengubah parit² najis atau paip² saloran najis privet atau sa-saorang yang menyebabkan kerja² ini di-jalankan untuk-nya hendak-lah menurut sharat² yang berikut:

- (1) Parit² Najis dan Paip² Saloran Najis privet hendak-lah di-bina dari paip² yang baik dan bahan yang sesuai. Keperluan ini akan di-anggap memuaskan jika di-gunakan paip² baru "glazed-ware" yang menurut B.S. No. 65 atau No. 540, atau paip² baru besi tuangan yang menurut B.S. No. 78 atau No. 437 atau No. 1211, atau paip² "pitch-fibre" yang menurut B.S. No. 2760. Walau bagaimana pun jika paip² ini di-pasang di-bawah sa-barang masok laluan untuk kenderaan lalulintas, dan bahagian atas paip itu dari paras bumi ada-lah lebih dari tiga kaki bahagian paip itu hendak-lah di-kepong dengan konkerit. Jika ia-nya kurang dari 3 kaki, hendak-lah di-pasang dengan paip² besi tuangan gred berat. Ini ada-lah menurut seksyen kechil (d) Undang² Kechil ini. Pembinaan.
- (2) Parit² Najis dan Paip² Saloran Najis Privet hendak-lah di-pasang mengikut garis² yang lurus dan cherun² yang sama rata. Ia-nya hendak-lah di-sediakan dengan sambongan² kedap ayer yang sesuai. Cherun² sademikian hendak-lah tidak kurang dari 1 dalam 60 bagi paip² yang bergarispusat 4 inchi, 1 dalam 80 bagi paip² yang bergarispusat 6 inchi dan 1 dalam 100 bagi paip² yang bergarispusat 9 inchi. Untuk ranchangan² besar pula, ia-itu, di-mana parit² najis atau paip² saloran najis privet hendak-lah di-gunakan oleh lima buah bangunan² yang berasingan, ia-nya boleh-lah di-rekabentok menurut asas Formula Crimp dan Bruges. Dalam perkara ini, hitongan² rekabentok yang jelas hendak-lah di-kemukakan bersama² dengan pelan² di-bawah Undang² Kechil 9. Cherun² maksima hendak-lah tidak melebihi 1 dalam 10 bagi paip² yang bergarispusat 4 inchi, 1 dalam 15 bagi paip² yang bergarispusat 6 inchi dan 1 dalam 20 bagi paip² yang bergarispusat 9 inchi. Cherun².
- (3) Sakira-nya Jurutera Bandaraya mengarahkan, alat khas hendak-lah di-sediakan untuk menchuchi (flushing). Alat Khas untuk men-chuchi.
- (4) Ia-nya hendak-lah tahan ujian tenaga ayer, ujian asap atau ujian tekanan udara, atau lain² ujian yang sesuai. Ujian.
- (5) Ia-nya hendak-lah mempunyai saiz yang cukup besar dan hendak-lah mempunyai garispusat dalam tidak kurang dari 4 inchi bagi parit² najis dan 6 inchi bagi paip² saloran najis privet. Saiz.
- (6) Ia-nya hendak-lah bersambung dengan sabarang parit najis atau paip saloran najis sachara serong, ka-arrah aliran parit najis atau paip saloran najis. Sambongan² hendak-lah di-buat sachara serong.
- (7) Di-mana sabarang parit najis bersambung dengan paip saloran najis, tempat simpangan itu hendak-lah di-buat di-lorang, jika boleh. Simpang² di-lorang.
- (8) Kerja membuat simpang di-paip saloran najis akan di-jalankan oleh Majlis. Bayaran yang berpatutan akan di-kenakan untuk kerja dan bahan². Simpang di-paip saloran najis akan di-buat oleh Majlis.

Lorang dalam
jarak empat
puluh kaki
dari paip
saloran najis.

Tapak
(Bedding).

Luas Tapak.

Tebal-nya
Tapak.

Tahanan.

Kepongan
Konkerit.

Paip² Besi
Tuangan
Berat.

Cheruchok²
Bakau atau
guling².

Alat²
keselamatan
bagi Parit²
Najis dan
Paip² saloran
Najis Privet.

Parit² Najis,
paip² saloran
najis privet
di-bawah
Bangunan².

(9) Sakira-nya simpang di-antara parit najis dan paip saloran najis tidak di-buat di-lorang, sa-buah lorang hendak-lah di-sediakan atas parit najis dalam jarak empat puluh kaki dari paip saloran najis. Sakira-nya parit najis itu tidak melebihi 40 kaki, sambongan yang terus mungkin di-benarkan mengikut kebijaksanaan Jurutera Bandaraya.

(10) Ia-nya hendak-lah di-pasang atas tapak konkerit dan di-tahan ("haunched") atau di-kepong saperti berikut—

(a) Tapak itu hendak-lah meluas ka-sisi sakurang²-nya enam inchi ka-hadapan dan di-kedua² belah pipa paip yang terjulor.

(b) Tebal-nya tapak itu di-bawah pipa paip itu hendak-lah tidak kurang dari empat inchi bagi paip² yang bergarispusat enam inchi, dan tidak kurang dari enam inchi bagi paip² yang bergarispusat lebih dari enam inchi.

(c) Penahan hendak-lah terdiri dari lebar tapak sapenoh-nya yang di-bawa naik ka-paras garispusat ufuk paip itu, dan kumai² dari paras ini yang di-bawa naik di-kedua² belah paip ini dari lebar tapak sapenoh-nya untuk menemui pipa paip sachara tenjen.

(d) Di-mana jarak di-antara bahagian atas paip dan paras bumi ada-lah kurang dari tiga kaki, atau sakira-nya paip itu di-pasang di-bawah kawasan yang telah di-minyaktarkan, paip itu hendak-lah di-kepong dengan konkerit. Keratan kepong sademikian hendak-lah segiempat sama bagi lebar tapak yang sapenoh-nya. Ia-nya mesti-lah sakurang²-nya enam inchi tebal di-luar pipa paip.

(e) Bila mengguna paip² besi tuangan berat, Jurutera Bandaraya boleh menurut kebijaksanaan-nya, bubarkan penyediaan tapak, tahanan atau kepong konkerit.

(11) Sakira-nya Jurutera Bandaraya mahu, cheruchok² bakau atau guling² hendak-lah di-sediakan untuk tapak, dan ia-nya hendak-lah dari saiz yang menchukupi, chukup panjang-nya dan atoran ruang-nya hendak-lah menchukupi.

(12) Alor tiap² parit najis atau paip saloran najis privet yang lalu dalam jarak tiga kaki dari sabarang tembok atau tembok bangunan hendak-lah di-timbus dengan konkerit hingga ka-paras asas bangunan atau tembok sademikian.

(13) (a) Parit najis atau paip saloran najis privet tidak boleh di-bina di-bawah sabarang bangunan, jika chara pembinaan yang lain boleh di-lakukan.

(b) Jika sabahagian dari parit najis atau paip saloran najis privet di-bina di-bawah sesuatu bangunan, bahagian itu hendak-lah:

(i) di-binakan dari paip² besi tuangan gred berat yang di-luluskan.

(ii) di-pasang mengikut garis yang lurus bagi sapanjang² bahagian di-bawah bangunan atau, jika ini ada-lah mustahil, mengikut siri² garis² yang lurus.

(iii) di-sediakan chara² lengkap untuk memasoki-nya bagi sapanjang² bahagian-nya. Sakira-nya ia tidak di-pasang mengikut satu garisan yang lurus, ia-nya hendak-lah di-sediakan dengan sa-buah lorang ber-sama² tudong-nya pada tiap² pertukaran hala dan cherun.

- (14) Salor² masok ka-parit najis tidak boleh di-buat dalam bangunan—
 melainkan—
 (a) salor masok yang menjadi bahagian perlu dalam sam-bongan alat² pembersehan.
 (b) simang dengan parit najis yang lain.
- (15) Lubang tiap² salor masok ka-parit najis hendak-lah berada sakurang²-nya dua belas inchi ka-atas dari paras banjir yang tinggi sakali yang di-ketahu² di-mana terletak-nya salor masok sademikian.
- (16) Di-mana parit najis atau paip saloran najis privet menembusi tembok atau melalui di-bawah tembok, suatu penahan hendak-lah di-sediakan supaya tembok itu tidak merosakkan parit najis atau paip saloran najis privet dengan puin atau lain².
- (17) (a) Parit najis hendak-lah di-sediakan dengan sakurang²-nya satu paip ganti udara yang terletak sadekat mana yang boleh dengan tempat di-mana parit najis bersambung dengan paip saloran najis privet, melainkan jika paip najis ganti udara dari tandas yang di-bina mengikut Undang² Kechil ini, boleh menggantikan paip ganti udara parit najis sakira-nya tempat terletak-nya ada-lah menurut Undang² Kechil ini.
 (b) Garispusat dalam bagi paip² ganti udara sademikian hendak-lah tidak kurang dari 4 inchi.
- (18) Lorang hendak-lah di-sediakan di-tiap² tempat di-mana parit najis atau paip saloran najis privet menukarkan haluan atau kecheruhan-nya. Ia-nya hendak-lah di-binakan dengan batubata, simen motar atau konkerit atau bahagian² konkerit tuang-dulu dan hendak-lah menurut keperluan² yang berikut—
 (a) Ia-nya hendak-lah jangan boleh di-masok ayer tanah dan ayer permukaan yang jatuh di-atas tanah bersebelahan. Bahagian² batubata atau konkerit di-bawa naik ka-paras bumi atau paras lantai.
 (b) (i) Ukoran² dan tebal yang sakurang²-nya untuk lorang² batubata bagi parit² najis hendak-lah sabagai yang di-tetapkan dalam jadual di-bawah ini. Lorang² konkerit dan konkerit tuang-dulu hendak-lah mempunyai tebal-nya dan tetulang-nya yang di-luluskan.
- | Kedalaman | Pan-jang | Luas | Tebal-nya Batu-bata |
|------------------------------------|---------------|---|---------------------|
| Kurang dari 3' 0" ... | 2' 0" × 1' 6" | 4½" | |
| 3' 0" hingga kurang dari 5' 0" ... | 2' 6" × 2' 0" | 9" | |
| 5' 0" hingga kurang dari 6' 0" ... | 3' 0" × 2' 6" | 9" | |
| 6' 0" dan lebih ... | 3' 0" × 3' 0" | 13½" hingga satu pertiga tinggi-nya dan 9" selepas itu. | |
- (ii) Tudong² Lorang dan Bingkai² bagi parit² najis hendak-lah dari chorak yang di-luluskan dan mempunyai dimensa² dua belas inchi × lapan belas inchi melainkan jika ia-nya terletak di-sabarang jalan masok untuk kenderaan lalu lintas. Di-sini, jenis tudong untuk kerja² berat yang di-luluskan, yang bergarispusat dua puloh satu inchi hendak-lah di-gunakan.

Salor² masok ka-parit najis.Tinggi-nya salor² masok ka-parit najis.Parit² Najis atau paip² saloran najis privet di-bawah tembok².Paip² Ganti Udara ka-Parit² Najis.Lorang².

Tanpa masok ayer.

Butir² Lorang² bagi parit² najis.Tudong².

- Lapek. (iii) Tembok² dalam lorang hendak-lah di-lapek dengan simen motar sa-tebal satengah inchi bagi setinggi² tembok itu dari churam-nya (benching) ka-atas. Semua segi² hendak-lah di-bulatkan ka-jejari tiga inchi. Tembok² luar hendak-lah perlu di-lapek demikian sakira-nya di-kehendaki oleh Jurutera Bandaraya.
- Telang-kupan (Inverts). (iv) Semua telangkupan ka-lorang² hendak-lah di-bentuk dengan "glazed ware channels" dan "branch channel bends" atau bahan² lain yang di-luluskan, yang di-tingkatkan dengan konkerit.
- Asas Konkerit. (v) Lorang² hendak-lah di-bina atas asas konkerit empat inchi tebal bagi lorang² yang kurang dari lima kaki dalam, dan bagi lorang² yang lebeh dari lima kaki dalam, asas konkerit-nya hendak-lah tebal enam inchi.
- Sambongan Parit najis dalam lorang². (vi) Gerbang² bata keliling (brick-on-edge) hendak-lah di-bina di-keliling semua parit² najis yang menembusi tembok² lorang². Parit² najis hendak-lah di-lapek dalam batubata untuk mengekalkan sambongan yang kedap ayer.
- Masok Luluan. (vii) Lorang² yang lebeh dari empat kaki dalam hendak-lah di-sediakan dengan tangga besi tuangan bersador zing. Anak tangga hendak-lah 9 inchi panjang dan tidak kurang dari $\frac{1}{2}$ inchi tebal.
- Lorang² untuk Paip² Saloran Najis. (c) Lorang² dan alat²-nya untuk paip² saloran najis hendak-lah di-bina mengikut ukuran² dan buit² yang di-tunjok dalam Lukisan² Jenis Jurutera Bandaraya.
- Lorang² jatuh luar (back-drop). (d) Lorang² jatuh luar (back-drop) hendak-lah di-binakan mengikut ukuran² dan butir² yang di-tunjok dalam Lukisan² Jenis Jurutera Bandaraya.
- Kawasan² yang mudah di-banjiri. (e) Lorang² dalam kawasan² yang mudah di-banjiri hendak-lah mempunyai bahagian² atas-nya, sakurang² dua belas inchi ka-atas paras banjir yang tinggi sakali yang di-ketahui di-mana terletak-nya lorang sademikian; atau, di-sediakan dengan tudong jenis pelit kembar sendal yang di-luluskan, mengikut kebijaksanaan Jurutera Bandaraya.
- Lepas bagi Gas². (19) Udara atau gas² dari paip² saloran najis hendak-lah di-benarkan mengalir menerusi ranchangan saliran privet dan berlepas ka-udara melalui paip² ganti udaraan yang di-sediakan di-bawah Undang² Kechil 16.

BAHAGIAN IV

NOTIS², PELAN² DAN KEBENARAN²

9. Tiap² sa-orang yang hendak memasang, membina, merombak, mem-baharui atau mengubahkan sabarang paip saloran najis, parit najis, paip saloran najis privet atau alat² pembersehan, hendak-lah menurut kehendak² yang tersebut di-bawah ini. Bagitu-lah juga bagi mereka yang di-kehendaki berbuat demikian oleh notis di-bawah Undang² Per-bandaran (Bab 133) atau sabarang Undang² Kechil.

Notis tujuan membina kerja².

- (1) Sabelum memulakan sabarang kerja sademikian ia hendak-lah memberi notis sa-chara bertulis mengenai tujuan sa-demikian. Notis sa-demikian hendak-lah di-sampaikan dalam salinan asal dan salinan pendua kepada Jurutera Bandaraya, melalui borang² yang lengkap dengan ruangan² kosong. Borang² ini boleh di-dapati perchuma daripada Jurutera Bandaraya. Jika kerja yang hendak di-jalankan itu ada-lah bersangkutan dengan rombakan,

perubahan atau membaharukan sabarang alat² pembersehan, parit najis atau paip saloran najis privet yang ada sekarang; dan tidak ada kaitan dengan sabarang pemasangan atau pembenaan baharu, hanya surat kebenaran sahaja hendak-lah di-perolehi daripada Jurutera Bandaraya.

- (2) Bersama² dengan notis itu ia hendak-lah menghantar juga pelan² dan bahagian² sabagai di-kehendaki sa-chara salinan. Satu salinan dari-nya hendak-lah di-buat di-atas kain giras (linen) atau kain surehan dan pelan² sa-demikian hendak-lah menunjokkan:

Menghantar-kan Pelan².

- (a) Pelan Belok atau Pelan Tapak yang hendak-lah menunjokkan dengan jelas dan tepat perkara² yang berikut—

- (i) Seluroh tapak di-mana bangunan² akan di-binakan, bersama² dengan bangunan² yang ada sekarang ini, parit² najis dan paip² saloran najis di-atas-nya, dan bangunan² di-atas tanah bersambongan.
 - (ii) Pedoman kompas, sekil lukisan dan tarikh di-kemukakan.
 - (iii) Nama jalan² dalam kawasan sekeliling atau yang bersambong dengan kawasan itu.
 - (iv) Bangunan² yang di-chadangkan, jalan² masok, kawasan² yang di-minyaktarkan dan kedudukan semua parit² najis dan paip² saloran najis yang di-chadangkan bersama² dengan saiz² dan cherun² mereka.
 - (v) Saiz, paras² yang dalam sekali, cherun dan hala aliran paip saloran najis atau parit yang menerima keluaran chechayer tangki² najis.
 - (vi) Sa-tiap lorang², bersama² dengan nombor atau huruf bagi tiap² satu-nya supaya dapat membeza antara satu sama lain.
 - (vii) Kedudukan dan aliran semua parit² dari rumah dan sambongan-nya ka-parit² tepi jalan atau lain² aliran ayer.
 - (viii) Paras² permukaan bumi, paras² lantai dan paras² banjir (jika ada) di-turunkan ka-Datum Perbandaran.
- (b) Pelan² Bangunan bagi bahagian tiap² tingkat di-mana alat² kebersihan akan di-pasang dengan kedudukan² mereka yang di-chadangkan, dan bekalan ayer kapada-nya, kedudukan, saiz, kedalaman dan cherun (di-mana sesuai) tiap² lorang, parit najis, paip najis, paip ganti-udaraan, paip najis ganti-udaraan, dan paip kotoran.
- (c) Sekshen² yang menunjokkan tegak-nya kedudukan² sa-demikian yang di-rojok dalam (ii), butir² ganti-udaraan yang di-sediakan, ukuran² tinggi-nya dari dalam, dengan jelas dan semua butir² yang berkenaan yang lain.
- (d) Butir² tangki najis atau loji pemberseh dan butir² menghapuskan keluaran chechayer.
- (e) Muka keratan bujor bagi parit² najis, paip² saloran najis privet termasuk sambongan mereka ka-paip² saloran najis awam.

- (3) Pelan² hendak-lah di-lukis menurut sekil² yang berikut—

Sekil² Pelan.

Pelan Belok atau Pelan Tapak ...	1 inchi bagi 40 kaki
Pelan Bangunan dan Sekshen ² ...	$\frac{1}{2}$ inchi bagi 1 kaki
	Ufuk 1 inchi bagi 40 kaki
Muka ² Keratan Bujor ...	Pugak 1 inchi bagi 4 kaki

- (4) Kerja² baharu yang di-chadangkan hendak-lah di-tanda dengan warna merah dan bangunan² yang ada sekarang ini, parit² najis dan alat² dalam warna hitam. Parit² najis yang ada sekarang, paip² saloran najis privet dan alat² yang hendak di-binasakan hendak-lah di-tanda dengan garis² bertitek berwarna biru.
- Penyeliaan. (5) Pelan² hendak-lah di-tandatangani oleh pemilik harta dan oleh orang yang mengemukakan pelan itu, dan mesti-lah nyatakan siapa-kah menjalankan penyeliaan bagi kerja itu. Penyeliaan sa-demikian hendak-lah hanya di-jalankan oleh orang yang berkeelayakan sabagai yang di-sebutkan dalam Undang² Kechil 10. Ia hendak-lah tinggal di-Pulau Pinang sa-masa tempoh kerja itu di-jalankan.
- Bayaran² Pelan dan Bayaran² Permit. (6) Bayaran² yang di-tetapkan oleh Majlis boleh di-bayar apabila pelan² di-kemukakan untuk perlulusan atau apabila kebenaran² di-pohonkan.
10. (1) Pelan² hendak-lah di-sediakan oleh orang (atau oleh firma yang mengambil sa-saorang itu bekerja) yang berdaftar dengan Majlis. Pendaftaran sa-demikian hendak-lah di-benarkan kepada sa-saorang yang dapat membuktikan bahawa dia mempunyai pengalaman dalam kerja kejuruteraan sistem saloran najis dari pembersehan, hingga memuaskan Jurutera Bandaraya. Dia juga hendak-lah menjadi "Corporate Member (kejuruteraan awam) Institution of Engineers (Malaysia)" atau Jurutera Yang Berdaftar di-bawah "Registration of Engineers Act 1967", dengan syarat peruntukan² fasal ini tidak melibatkan mereka yang telah pun berdaftar dengan Majlis dahulu-nya.
- (2) Pendaftaran sa-demikian boleh di-batalkan pada bila² masa menurut kebijaksanaan mutlak Majlis.
- (3) Lesen yang di-keluarkan oleh Jurutera Ayer Bandaraya di-bawah Undang² Kechil Ayer Bandaraya dan Undang² yang di-buat di-bawah-nya hendak-lah di-dapatkan untuk pemasangan, perubahan atau membaiki paip² ayer dan pemasangan²-nya yang membawa atau yang akan membawa Bekalan Ayer Majlis.
- Melulus atau Tidak Melulus Pelan². 11. (1) Sa-lepas notis dan pelan² dan sekshen² yang di-kehendaki oleh Undang² Kechil 9 dari Undang² Kechil ini telah di-kemukakan, perlulusan atau sabalek-nya dari Jurutera Bandaraya hendak-lah di-hantar sa-chara bertulis kepada orang yang memberi notis sa-demikian. Perlulusan sa-demikian mungkin terta'alok kepada syarat² yang perlu dalam maksud sabarang Undang² Kechil atau Peratoran² Majlis (Bab 133) dan orang sa-demikian hendak-lah menurut syarat² itu.
- (2) Apabila pelan² dan sekshen² telah di-luluskan, satu salinan hendak-lah di-hantar balek kepada orang sedemikian dan satu salinan hendak-lah di-simpan oleh Jurutera Bandaraya.
- Simpanan². (3) Orang² sa-demikian boleh melanjutkan kerja, menerima bahagian² sa-demikian sabagai yang di-simpan oleh Jurutera Bandaraya untuk sambongan yang akhir dengan sabarang paip saloran najis. Jika kerja itu tidak di-mulakan dalam tempoh satu tahun dari tarikh notis perlulusan sa-demikian akan di-anggap sabagai telah di-batalkan.
- Melesenkan orang² yang menjalankan kerja². 12. (1) Salain dari pekerja² Majlis yang di-berikuasa, sa-saorang itu tidak boleh menjalankan sabarang kerja yang bersangkutan dengan Undang² Kechil ini, melainkan, ia mendapatkan lesen daripada Jurutera Bandaraya terlebih dahulu.
- (2) Lesen sa-demikian boleh di-beri kepada sa-saorang (atau firma yang mengambil sa-saorang itu bekerja) yang dapat membuktikan bahawa dia mempunyai pengalaman peraktikal dalam kerja² yang di-liputi oleh Undang² Kechil ini hingga memuaskan Jurutera Bandaraya. Lesen ini hendak-lah menentukan tempoh berkuatkuasa-nya. Ia-nya boleh di-batalkan pada bila² masa menurut kebijaksanaan mutlak Majlis.

(3) Bayaran sabanyak dua puluh ringgit hendak-lah di-bayar sa-belum sabarang lesen di-keluarkan. Bayaran tahunan sabanyak sa-puluh ringgit hendak-lah di-bayar untuk membaharukan lesen² sa-demikian. Sabarang bayaran tidak boleh di-bayar balek apabila lesen itu di-batal-kan.

13. Setiap orang yang menjalankan kerja yang di-liputi oleh Undang² Kechil ini, hendak-lah menyimpan salinan pendua pelan yang di-lulus-kan dan borang² yang di-rojokkan dalam Undang² Kechil tadi, di-tempat di-mana kerja itu di-jalankan sa-masa kerja itu di-jalankan. Juga, ia hendak-lah sediakan sa-buah buku yang akan di-parap oleh wakil Jurutera Bandaraya pada tiap² lawatan, menyatakan di-dalam-nya sabarang pengaduan atau chatatan² yang ia perlu buat.

Pelan
hendak-lah
di-simpan
di-tempat
kerja.

14. Tidak sa-saorang pun boleh niemulakan sabarang kerja, sa-demi-
kian sa-belum pelan² di-luluskan.

Permulaan
Kerja sa-chara
Haram.

15. Tidak sa-saorang pun boleh memulakan sabarang kerja di-bawah Undang² Kechil ini, atau di-mana gerakan kerja telah di-gantongkan bagi tempoh yang tidak melebihi tiga bulan, menyambong sa-mula kerja sa-demikian; melainkan, ia telah memberi kepada Jurutera Bandara-
raya notis dua hari mengenai tujuan-nya untuk memulakan atau me-
nyambong sa-mula kerja sa-demikian. Notis sa-demikian hendak-lah di-buat dalam borang yang boleh di-dapati perchuma daripada Jurutera Bandaraya.

Permulaan
atau me-
nyambong
samula kerja.

16. Tiap² sa-orang yang menjalankan kerja di-bawah Undang² Kechil ini hendak-lah—

Notis Me-
ngambuskan
kerja².

(1) (a) sa-belum memulakan mengambus sabarang bahagian asas, parit² najis, paip² saluran najis privet atau alat² mereka yang berkenaan dengan saliran hendak-lah memberi notis sa-chara bertulis kepada Jurutera Bandaraya dua hari ter-
lebeh dahulu mengatakan bahawa kerja² sa-demikian ada-
lah siap untuk di-pereksa dan di-uji. Bagitu juga, jika paip itu hendak di-sambong kepada paip saluran najis awam. Notis sa-demikian hendak-lah di-buat dalam borang yang boleh di-dapati perchuma daripada Jurutera Bandaraya.

(b) tidak mengambus sabarang bahagian kerja itu as-hingga perlulusan di-beri oleh Jurutera Bandaraya.

(2) memberi Jurutera Bandaraya notis sa-chara bertulis, empat hari terlebeh dulu, menentukan tarikh bila-kah kerja² itu akan siap untuk pemereksaan akhir; notis sa-demikian hendak-lah di-buat dalam borang yang boleh di-dapati dari Jurutera Bandara-
raya dengan perchuma.

Notis siap
dan ujian
akhir.

(3) jika perlu, hendak-lah membayar chengkeram wang, sabagai-
mana di-minta oleh Majlis untuk harga menyambongkan parit itu dengan sabarang paip saluran najis sa-belum sambongan sa-demikian di-mulakan.

Chagaran²
Wang.

(4) di-mana kerja itu di-liputi oleh permit sabagai di-sebut dalam Undang² Kechil 9 (1), hendak-lah memberi Jurutera Bandaraya notis sachara bertulis dua hari terlebeh dulu sa-belum memula-
kan kerja sa-demikian, dan menentukan tarikh bila-kah kerja sa-demikian akan sedia untuk pemereksaan akhir.

Merombak-
kan atau
membaharui
alat² keber-
sehan yang
ada sekarang.

17. Tiap² sa-orang yang melalaikan atau enggan memberi sabarang notis sa-demikian, atau mengambuskan asas², parit² najis, paip² saluran najis privet dan/atau alat²-nya tanpa perlulusan Jurutera Bandaraya, hendak-lah menurut notis sa-chara bertulis dari Jurutera Bandaraya yang memerlukan-nya, dalam tempoh yang berpatutan untuk memotong, membuka atau merombak kerja itu, di-mana yang menghalang Jurutera Bandaraya dari menentukan samada sabarang Undang² Kechil ini telah di-langgar atau tidak.

Notis mem-
buka kerja².

- Chonish2. 18. Jurutera Bandaraya hendak-lah di-benarkan mengambil chontoh² bagi bahan² yang akan di-gunakan dalam perjalanan kerja atau perkara sebagai tersebut terlebih dahulu, yang mungkin membolehkan-nya menentukan samada bahan² sa-demikian ada-lah menurut Undang² Kechil ini atau tidak.
- Sambongan² dengan paip saluran najis awam. 19. Sambongan ka-sabarang paip saluran najis tidak boleh di-buat sa-hingga seluruh parit² najis, paip² saluran najis privet dan pemasangan² alat² kebersihan yang bersambongan dengan-nya telah di-luluskan oleh Jurutera Bandaraya dan di-dapati telah menurut semua keperluan² Undang² Pertandaran atau sabarang Undang² Kechil yang di-buat di-bawah-nya.
- Sijil Persiapan. 20. Sa-saorang tidak boleh menggunakan sabarang alat² kebersihan sa-hingga Sijil di-keluarkan oleh Jurutera Bandaraya bahawa pemasangan satu alat² itu dan bekalan ayer kapada-nya telah di-pasangkan menurut Undang² Kechil Majlis.
- Kebijaksanaan. 21. (1) Tidak mengira apa yang telah di-nyatakan dalam ini terlebih dahulu, hendak-lah terpulang kepada kebijaksanaan Majlis untuk membenarkan pengecualian atau perubahan keperluan² Undang² Kechil ini sebagaimana di-fikir-nya sesuai dan berpatutan dengan keadaan² perkara yang tertentu.
- (2) Bahan² atau benda² yang tidak di-tetapkan di-sini terlebih dahulu boleh di-luluskan oleh Majlis untuk di-gunakan, dan sa-lepas perlulusan sa-demikian, boleh-lah di-gunakan sebagai menggantikan bahan² atau benda² yang di-tetapkan.
- Denda2. 22. Sa-saorang yang—
- (1) memulakan, menjalankan atau menyambong sa-mula sabarang kerja dengan melanggar Undang² Kechil ini; atau
 - (2) menyeleweng dari sabarang pelan atau penetapan yang di-luluskan oleh Majlis tanpa kebenaran sa-chara bertulis; atau
 - (3) tidak menurut sabarang perintah yang sah atau arahan sa-chara bertulis daripada Jurutera Bandaraya; atau tidak menurut sabarang syarat yang di-kenakan oleh Majlis kepada perubahan atau pengecualian atau sabarang keperluan² Undang² Kechil ini; atau
 - (4) melanggar mana² bahagian Undang² Kechil ini; akan di-kenakan denda tidak lebih dari dua ratus lima puluh ringgit, dan di-kenakan denda harian tidak lebih dari dua puluh lima ringgit bagi tiap² hari kesalahan itu di-lakukan sa-lepas di-di-dapati salah oleh mahkamah.

Bertarikh pada 29hb Mach, 1971.

[PSUK/PP/15772; B. 8263; PU/PP/1126 Pt. 7.]

LEE THIN PEE,

Setia-usaha,

Majlis Mesuarat Kerajaan, Pulau Pinang

TUJUAN² DAN SEBAB

Amalan yang di-jalankan sekarang ia-lah Majlis memberi arahan² kepada orang² yang mengemukakan pelan² mengenai keperluan² Majlis bagi kerja² pemasangan alat² saluran najis dan alat² pembersihan. Bagi kepentingan orang ramai, ada-lah perlu di-adakan Undang² Kechil, guna bagi menunjukkan kepada orang ramai, keperluan² Majlis. Dengan ini dapat-lah orang ramai menurut butir² berkanun seperti yang di-kehendaki dan mengelakkan surat menyurat dan penjelasan².

2. Undang² Kechil ini telah di-sediakan untuk meliputi keperluan² sekarang, sesuai dengan zaman moden. Kuasa membuat Undang² ini di-sediakan di-bawah Sekshen² 58 (1), 143 (1) (a), (b) (b1), (e) dan (n) Undang² Perbandaran (Bab 133).